

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1999/2000**

SEPTEMBER 1999

RMT 554 – Pengurusan Projek III

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini. Pelajar-pelajar tempatan dibenarkan menjawab dalam Bahasa Inggeris.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Anda telah dilantik sebagai seorang Pengurus Projek untuk sebuah projek yang melibatkan pembinaan suatu stadium bertaraf antarabangsa di Seberang Perai. Jelaskan tentang penglibatan anda di dalam konteks proses pembangunan keseluruhan serta catatkan tahap-tahap utama dan kritikal ('critical key milestones') yang boleh memberi kesan terhadap pelaksanaan projek stadium tersebut; nyatakan juga kelebihan-kelebihan adanya seorang Pengurus Projek.

(b) Sekiranya anda diberi dua opsyen tapak iaitu:
 - (i) tapak bendang yang dikehendaki penambunan tanah yang banyak dan;
 - (ii) tapak yang dipenuhi oleh setinggan berjumlah 150 keluargajelaskan strategi-strategi anda untuk mengatasi permasalahan tapak dalam konteks projek stadium tersebut.

(25 markah)
2. (a) Organisasi anda telah diberi suatu projek pengswastaan yang melibatkan pembinaan 20 unit projek Maktab Perguruan di seluruh Semenanjung Malaysia, yang tiap-tiap satunya berjumlah RM30 juta. Sediakan suatu laporan kepada Lembaga Pengarah tentang pelbagai jenis kaedah pemerolehan (procurement methods) serta susunan kontrak (contractual managements) yang kerap diguna masakini. Kebanyakan ahli Lembaga Pengarah mahu suatu kaedah yang berpusat (centralised) serta mempunyai ciri-ciri 'fast-tracking' dan anda dikehendaki membuat syor-syor yang jelas.

(b) Nyatakan dengan jelas strategi-strategi yang boleh diketengahkan sekiranya organisasi anda ingin membekal bahan-bahan binaan untuk projek tersebut di atas.

(25 markah)

...2/-

3. (a) “Pengurusan Nilai bermatlamat untuk menghapuskan atau meminimumkan kos-kos yang tidak perlu”.

Bincangkan ungkapan di atas dan jelaskan bagaimana penglibatan seorang Pengurus Projek boleh memajukan lagi konsep ini.

- (b) “Insentif Pengurusan Nilai harus diperkenalkan kepada pihak kontraktor di dalam klausa-klausa kontrak”.

Bincangkan dengan ringkas.

- (c) Jelaskan bagaimana kelonggaran syarat-syarat tender projek-projek kerajaan boleh mempercepatkan lagi pemulihan ekonomi negara.

(25 markah)

4. (a) Anda dilantik sebagai Ketua Pasukan Projek untuk suatu syarikat yang baru dimiliki oleh organisasi anda yang ingin menceburi bidang pembinaan. Syarikat yang dimiliki tersebut walaupun suatu entiti perniagaan yang mantap, mempunyai latarbelakang serta reputasi yang agak tercemar. Sediakan suatu laporan kepada Lembaga Pengarah yang menyusun strategi-strategi untuk membaik-pulih imej dan reputasi syarikat tanpa menjejaskan daya persaingan syarikat tersebut; andaikan organisasi induk mempunyai ‘ethical standards’ yang tinggi dan terangkan bagaimana perbezaan nilai di antara organisasi induk dan syarikat dimiliki boleh diselaraskan.

- (b) “Perhubungan politik dan perniagaan tidak boleh dipisahkan”.

Bincangkan serta kaitkan bagaimana kaitan politik dan perniagaan boleh memanfaatkan kedua-dua pihak.

(25 markah)

5. (a) Proses rekabentuk merupakan suatu kegiatan yang perlu dan penting sebelum bermulanya pembinaan. Bincangkan tentang bagaimana pengurusan yang wajar di tahap ini serta penglibatan seorang Pengurus Projek boleh memastikan penghasilan rekabentuk yang optima dan mantap serta memastikan kehendak-kehendak klien tercapai. Sarankan dengan penggunaan gambarajah, suatu carta aliran proses projek yang sesuai untuk Industri Binaan Malaysia.

- (b) Jelaskan dengan ringkas bagaimana penglibatan seorang Pengurus Projek boleh membantu pemaju-pemaju hartanah di dalam mengatasi masalah kegawatan ekonomi; kaitkan dengan konsep ‘Pengenalpastian Risiko’ (Risk Identification).

(25 markah)

6. (a) Jelaskan tentang mustahaknya tahap Kajian Kemungkinan dan nyatakan kriteria-kriteria utama yang harus dipertimbangkan oleh seorang Pengurus Projek di dalam pengurusan tahap ini.
- (b) Sediakan suatu rangka format Kajian Kemungkinan yang jitu untuk projek stadium sepertimana yang tercatat di dalam Soalan 1 serta jelaskan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kos untuk projek tersebut.
- (c) Huraikan dengan ringkas rintang-rintangan dalam komunikasi yang akan menjejaskan pengurusan yang efektif.

(25 markah)

oooOOooo